

**Nota Amalan 18**  
**Penelitian Draf Surat Pekeliling dan Dokumen Lain**

**BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD****NOTA AMALAN 18****PENELITIAN DRAF SURAT PEKELILING DAN DOKUMEN LAIN**

Perincian	Rujukan Silang	
Tarikh kuat kuasa:	3 Januari 2005	Perenggan 9.30
Tarikh semakan:	3 Ogos 2009, 3 Januari 2012, 2 Januari 2014, 2 Januari 2018, 9 April 2018, 13 Ogos 2020	

**1.0 Pengenalan**

- 1.1 Perenggan 9.30 Kehendak-Kehendak Penyenaraian memperuntukkan seperti yang berikut:
- (1) *Penerbit tersenarai atau pembuat tawaran bagi suatu tawaran untuk penjualan sekuriti tersenarai mesti mengemukakan kepada Bursa untuk penelitian, 1 salinan draf semua surat pekeliling dan dokumen lain yang dicadangkan untuk dihantar kepada pemegang sekuriti tersenarai, dalam masa yang munasabah sebelum dicetak berserta dengan senarai semak yang menunjukkan pematuhan kepada bahagian yang berkenaan Kehendak-Kehendak ini.*
- (2) *Subperenggan (1) di atas tidak terpakai bagi dokumen yang berikut:*
- (a) *laporan tahunan;*
  - (b) *apa-apa dokumen yang akan dihantar kepada pemegang sekuriti tersenarai berhubung dengan pengambilalihan oleh atau berkenaan dengan penerbit tersenarai tidak termasuk surat pekeliling yang akan dikeluarkan oleh penerbit tersenarai, yang mencadangkan untuk menjalankan atau akan menjalankan pengambilalihan, kepada pemegang sekuritinya menurut Bab 10 Kehendak-Kehendak ini;*
  - (c) *apa-apa dokumen yang tidak disediakan oleh penerbit tersenarai atau penasihatnya bagi pihaknya;*
  - (d) *apa-apa surat pekeliling yang akan dikeluarkan oleh penerbit tersenarai kepada pemegang sekuritinya menurut perenggan 10.11 dan 10.14 Kehendak-Kehendak ini, berhubung dengan traksksi yang akan menghasilkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan tersenarai itu, amanah perniagaan dan berhubung dengan pemerolehan yang layak yang dicadangkan untuk dibuat oleh SPAC; dan*
  - (e) *apa-apa dokumen lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa tertakluk kepada apa-apa kehendak yang dikenakan oleh Bursa.*

**Nota Amalan 18  
Penelitian Draf Surat Pekeliling dan Dokumen Lain**

- 
- (3) *Penerbit tersenarai atau pembuat tawaran tidak boleh mengeluarkan apa-apa dokumen yang disebut dalam subperenggan (1) di atas sehingga Bursa telah mengesahkan secara bertulis bahawa ia tiada komen lebih lanjut ke atas dokumen itu.*
- (4) *Jika penasihat dilantik oleh penerbit tersenarai atau pembuat tawaran untuk penyediaan dan/atau penyerahan dokumen yang disebut dalam subperenggan (1) di atas kepada Bursa, penasihat itu mesti juga mematuhi subperenggan (1) dan (3) di atas.*
- 1.2 Nota Amalan ini memperuntukkan mengenai kehendak-kehendak yang berkenaan bagi –
- (a) dokumen yang tidak dikehendaki untuk dikemukakan kepada Bursa untuk penelitian; dan
  - (b) dokumen yang tertakluk kepada kajian semula penuh oleh Bursa; dan
  - (c) dokumen yang tertakluk kepada kajian semula terhad oleh Bursa.
- 1.3 Bagi mengelakkan keraguan, dalam meneliti surat pekeliling dan dokumen menurut perenggan 9.30 Kehendak-Kehendak Penyenaraian, Bursa tidak menentusahkan maklumat dalam surat pekeliling atau dokumen yang diteliti. Penerbit tersenarai, pengaruhnya dan penasihatnya bertanggungjawab bagi penzahiran dalam dokumen ini termasuk memastikan ketepatan dan kelengkapannya menurut perenggan 9.35A Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

**2.0 Dokumen yang tidak dikehendaki untuk dikemukakan kepada Bursa**

- 2.1 Bagi maksud perenggan 9.30(2)(e) Kehendak-Kehendak Penyenaraian, surat pekeliling atau dokumen tentang mana-mana satu atau lebih yang berikut tidak tertakluk kepada perenggan 9.30(1) Kehendak-Kehendak Penyenaraian, iaitu penelitian Bursa tidak dikehendaki sebelum pengeluaran:
- (a) notis penyelarasaran waran dan sekuriti boleh ubah;
  - (b) notis mesyuarat;
  - (c) [dipotong]
  - (d) pembelian syer sendiri (termasuk ketetapan biasa);
  - (e) pindaan atau penerimaan pakai perlumbagaan;
  - (f) pindaan surat ikatan amanah atau surat ikatan pol;
  - (g) [dipotong]
  - (gA) pembaharuan mandat pemegang syer bagi Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan; dan
  - (h) semua surat pekeliling lain kepada pemegang syer, yang tidak dikeluarkan menurut suatu kehendak untuk mendapatkan kelulusan pemegang syer, yang ditetapkan di bawah Kehendak-Kehendak Penyenaraian,

(secara kolektif disebut “**Surat Pekeliling Dikecualikan**”).

**Nota Amalan 18  
Penelitian Draf Surat Pekeliling dan Dokumen Lain**

---

**3.0 Obligasi berhubung dengan Surat Pekeliling Dikecualikan**

- 3.1 Oleh yang demikian, Bursa tidak lagi akan mengulas tentang mana-mana Surat Pekeliling Dikecualikan sebelum dikeluarkan.
- 3.2 Dalam hal ini, Surat Pekeliling Dikecualikan mesti termasuk suatu pernyataan bahawa Bursa Malaysia Securities Berhad tidak meneliti surat pekeliling itu sebelum pengeluarnya.
- 3.3 Sebaik sahaja pengeluaran Surat Pekeliling Dikecualikan kepada pemegang sekuriti, penerbit tersenarai mesti mengemukakan kepada Bursa, senarai semak yang menunjukkan pematuhan kepada bahagian-bahagian yang berkenaan Kehendak-Kehendak Penyenaraian.
- 3.4 Sekiranya Bursa mengesahkan apa-apa ketidakpatuhan kepada Kehendak-Kehendak Penyenaraian setelah Surat Pekeliling Dikecualikan dikeluarkan, penerbit tersenarai dan/atau penasihat yang bertanggungjawab bagi penyediaan Surat Pekeliling Dikecualikan boleh tertakluk kepada tindakan penguatkuasaan oleh Bursa.

**4.0 Dokumen yang tertakluk kepada kajian semula terhad**

- 4.1 Surat pekeliling atau dokumen tentang hal perkara yang berikut adalah tertakluk kepada kajian semula terhad oleh Bursa:
  - (a) penerbitan sekuriti untuk tunai termasuk tetapi tidak terhad kepada terbitan hak, penempatan persendirian, terbitan terhad, terbitan khas, terbitan sekuriti berdasarkan "rundingan belian", pengumpukan kepada pengarah (termasuk pengumpulan opsyen Skim Penerbitan Syer), pemegang syer utama atau orang yang berkaitan dengan mereka yang termasuk dalam perenggan 6.06 Kehendak-Kehendak Penyenaraian;
  - (b) Skim Penerbitan Syer termasuk mengadakan atau meminda undang-undang kecil, pelanjutan tempoh skim atau penamatan skim;
  - (c) mendapatkan mandat pemegang syer bagi Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan yang baharu;
  - (d) notis kematangan sekuriti;
  - (e) lanjutan masa bagi tempoh matang/luput sekuriti;
  - (f) terbitan bonus, pembahagian kecil atau penyatuan syer;
  - (g) penebusan awal sekuriti, sama ada penuh atau sebahagian;
  - (h) [dipotong]
  - (i) notis pertukaran, pemanggilan balik atau pengurangan syer; dan
  - (j) Skim Pelaburan Semula Dividen,

("Surat Pekeliling Kajian Semula Terhad").

**Nota Amalan 18  
Penelitian Draf Surat Pekeliling dan Dokumen Lain**

---

**5.0 Obligasi berkenaan dengan Surat Pekeliling Kajian Semula Terhad**

- 5.1 Menurut perenggan 9.30 Kehendak-Kehendak Penyenaraian, Surat Pekeliling Kajian Semula Terhad tidak boleh dikeluarkan oleh penerbit tersenarai sehingga dan melainkan jika Bursa mengesahkan secara tertulis bahawa ia tidak mempunyai ulasan lanjut mengenai dokumen itu.
- 5.2 Dalam hal ini, penerbit tersenarai mesti mengemukakan draf Surat Pekeliling Kajian Semula Terhad menurut perenggan 9.30(1) Kehendak-Kehendak Penyenaraian kepada Bursa berserta dengan senarai semak yang menunjukkan pematuhan kepada bahagian-bahagian yang berkenaan Kehendak-Kehendak Penyenaraian.
- 5.3 Dalam menjalankan kajian semula terhad, Bursa hanya akan memberi tumpuan kepada bahagian yang pada pendapatnya menimbulkan risiko yang tinggi daripada segi penzahiran atau pematuhan kepada Kehendak-Kehendak Penyenaraian.
- 5.4 Tiada apa-apa dalam Nota Amalan ini atau Kehendak-Kehendak Penyenaraian yang menghalang Bursa daripada menjalankan kajian semula penuh dalam hal keadaan yang difikirkannya patut.

**6.0 Dokumen yang tertakluk kepada kajian semula penuh**

- 6.1 Bursa akan terus menjalankan kajian semula bagi semua surat pekeliling atau dokumen yang tidak termasuk dalam pengecualian yang dinyatakan dalam perenggan 9.30(2) Kehendak-Kehendak Penyenaraian termasuk yang berkenaan dengan hal perkara yang berikut:
  - (a) transaksi pihak yang berkaitan (tidak termasuk surat pekeliling berhubung dengan mandat pemegang syer bagi Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan);
  - (b) transaksi yang sangat substansial;
  - (c) kepelbagaian operasi;
  - (d) pemberian bantuan kewangan kepada syarikat bersekutu dan perkiraan bersama;
  - (e) skim kompromi, perkiraan, penyatuan atau penyusunan semula atau penstrukturran semula skim secara umum;
  - (f) penarikan balik penyenaraian;
  - (g) transaksi pihak yang tidak berkaitan yang kelulusan pemegang syer dikehendaki menurut perenggan 10.07 Kehendak-Kehendak Penyenaraian;
  - (h) penyenaraian subsidiari;
  - (i) pengagihan, pembayaran balik atau pengurangan modal;
  - (j) pencairan material subsidiari yang termasuk di bawah perenggan 8.21 Kehendak-Kehendak Penyenaraian;
  - (jA) Pelupusan Besar; dan
  - (jB) pelupusan harta tanah yang dibangunkan oleh REIT dalam masa 2 tahun dari tarikh penyelesaian pembangunan yang dinyatakan dalam perenggan 10.16 Kehendak-Kehendak Penyenaraian; dan

**Nota Amalan 18  
Penelitian Draf Surat Pekeliling dan Dokumen Lain**

---

(k) apa-apa dokumen lain yang ditetapkan oleh Bursa.

**(“Surat Pekeliling Kajian Semula Penuh”)**

**7.0 Obligasi berkenaan dengan Surat Pekeliling Kajian Semula Penuh**

- 7.1 Dalam hal ini, penerbit tersenarai mesti mengemukakan draf Surat Pekeliling Kajian Semula Penuh menurut perenggan 9.30(1) Kehendak-Kehendak Penyenaraian kepada Bursa berserta dengan senarai semak yang menunjukkan pematuhan kepada bahagian-bahagian yang berkenaan Kehendak-Kehendak Penyenaraian.